

Headline **RM43,915 untuk bibir sumbing dari Watson**  
Date **31 Jan 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **L-S32**  
Article Size **184 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,012**  
PRValue **3,036**



# RM43,915 untuk bibir sumbing dari Watson

**KUALA LUMPUR** - Atas dasar kebajikan sosial, Watsons Personal Care Stores Sdn Bhd menyerahkan sumbangan RM43,915 kepada Ronald McDonald House Charities Malaysia (RMHC) dalam acara kemuncak kempen 'Memberi Hadiah Senyuman' di Sungei Wang Plaza, baru-baru ini.

Kempen enam minggu itu dirasmikan November lalu dengan tema senyuman kepada semua pelanggan Watsons seluruh Malaysia.

Ia diadakan dengan kesungguhan mencipta senyuman Malaysia melalui kempen "Give the Gift of Smile", dan menghulurkan bantuan kewangan untuk kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

Pengarah Urusan Watson Malaysia, Kulvinder Birring berkata, setiap tahun Watsons memulakan kempen amal untuk mengukuhkan ikatan kemasyarakatan sekaligus memainkan peranan aktif terhadap perkembangan sosial masyarakat untuk melahirkan kesejahteraan bangsa.

"Kami memilih bekerjasama dengan Ronald McDonald House Charities melalui kempen ini untuk membantu memberikan keselesaan kepada kanak-kanak yang dilahirkan dalam keadaan bibir sumbing," katanya.

Memiliki senyuman cantik adalah hadiah Tahun Baru bagi anak-anak yang lahir dengan keadaan bibir sumbing. Dengan bantuan Watsons, anak-anak mampu menjalani operasi korektif yang di luar jangkaan mereka.

Sepanjang kempen, pelanggan yang menghabiskan minimum RM10 di Watsons berhak membeli koleksi eksklusif Winnie-The-Pooh hanya RM9.90. Untuk setiap item yang terjual, lima puluh sen akan disumbangkan sebagai hadiah kepada kempen RMHC Smile.

Kulvinder berkata, ia adalah kempen yang sangat berjaya dan mereka berbesar hati kerana apa yang diperolehi melebihi jangkaan target RM40,000.

Komponen utama dalam kempen "Memberi Hadiah Senyuman" adalah "Rundingan dalam senyuman", "Perkhidmatan dengan senyuman", "Berada disini untuk membuat anda tersenyum", dan "Berbalas senyuman".

Ia bertujuan meningkatkan perkhidmatan Watsons.



● Dari kiri Pengerusi Ronald McDonald House, Chan Chee Chin menerima sumbangan bernilai RM43,915.50 oleh Pengarah Urusan Watsons Malaysia, Kulvinder Birring